

MAHATHIR

1978

KUANTAN, 6 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENOLAK TUDUHAN KONONNYA TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH KERAJAI TERHADAP SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN PARTI LAWAN JALAH UNTUK MENJAMIN KEMENANGAN UMNO DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG.

BELIAU MENSIFATKAN TUDUHAN ITU SEBAGAI TIDAK BERASAS KERANA KERAJAAN JUGA SANGGUP MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO SENDIRI DEMI KEPENTINGAN UNDANG-UNDANG WALAUPUN TINDAKAN ITU TIDAK POPULAR.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MEMILIH BULU DALAM MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG.

KATANYA, SESIAPA SAJA - KECIL ATAU BESAR, DARI PARTI KERAJAAN ATAU PARTI LAWAN, TETAP AKAN DIAMBIL TINDAKAN JIKA MEREKA TIDAK MENGIKUTI LUNAS UNDANG-UNDANG NEGARA.

PERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUANTAN DI TAPIAN GELANGGANG DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERERANIAN UMNO MENENTUKAN SIKAP SEPERTI ITULAH YANG MENYEBABKAN KEISTIMEWAAN PARTI ITU DAN MENGEKALKAN KUASANYA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA PADA MASA INI BILA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN PARTI LAWAN YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG, TIMBUL TUDUHAN KONONNYA TINDAKAN ITU ADALAH UNTUK MUSLIHAT POLITIK SUPAYA PARTI KERAJAAN MENANG PILIHANRAYA. -- BERSAMBUNG 1320/LK

MAHATHIR 2 KUANTAN

KATANYA, JIKA UNTUK MENCAPAI KEMENANGAN PILIHANRAYA DAN TIDAK UNTUK KEPENTINGAN UNDANG-UNDANG, SUDAH TENTU TINDAKAN TERHADAP BEBERAPA TOKOH DALAM PARTI KERAJAAN TIDAK DIAMBIL KERANA INI MENYEBABKAN KERAJAAN TIDAK POPULAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, AHLI-AHLI UMNO PERLU SEDAR BAHAWA JIKA UMNO TIDAK BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG, IA AKAN KEHILANGAN SOKONGAN SAMA ADA DARI MEREKA YANG TIDAK BERSIMPATI, ORANG-ORANG DARI GOLONGAN ATAS PAGAR DAN AKHIRNYA ORANG-ORANG PARTI SENDIRI.

SEBALIKNYA UMNO AKAN TETAP TEGUH DENGAN AHLI DAN PENYOKONG YANG BANYAK JIKA DAPAT MENGEKALKAN SIKAP PERLU BERTINDAK MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN YANG SUDAH DITENTUKAN OLEH UNDANG-UNDANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA UNDANG-UNDANG TUBUH UMNO SENDIRI ADALAH BERTERASKAN KEPADA PRINSIP DEMOKRASI YANG MEMENTINGKAN PENDAPAT AHLI-AHLI BIASA.

+WALAU BAGAIMANAPUN PENDAPAT-PENDAPAT ITU HENDAKLAH DISALUR NENGIKUT CARA-CARA YANG TERTENTU DAN BUKAN MELALUI PERCAKAPAN DI KEDAI-KEDAI KOPI ATAU RISALAH-RISALAH YANG TIDAK BERTANDATANGAN, + TEGAS BELIAU. -- BERSAMBUNG 1325/LK

MAHATHIR 3 KUANTAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT BAHAWA ADA GOLONGAN YANG BERUSAHA MENYEBARKAN RISALAH-RISALAH KONONNYA DARI AHLI-AHLI UMNO SENDIRI BAGI MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN PARTI ITU.

KATANYA, PUCUK PIMPINAN PARTI TIDAK DAPAT MELAYAN RISALAH-RISALAH SEPERTI ITU.

BELIAU MENAMBAH KATA, JIKA RISALAH-RISALAH ITU HENDAK DIKEMUKAKAN KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI IA MESTILAH DITANDATANGANI SEBAGAI BUKTI KEJUJURAN PENGIRIMNYA.

INI ADALAH PENTING KERANA DALAM UMNO TIDAK ADA TEMPAT UNTUK ORANG-ORANG YANG TIDAK JUJUR.

DATUK DR. SERI MAHATHIR BERKATA, UMNO SEKARANG MERUPAKAN SATU BADAN YANG MEMBERI JAMINAN KEPADA RAKYAT SEMUA KAUM BAHAWA IA DAPAT MENDIRIKAN KERAJAAN YANG BOLEH MEMERINTAH NEGARA DENGAN ADIL DAN BERKESAN.

KATANYA, UMNO SEDAR TENTANG TANGGUNGJAWABNYA ITU DAN INGIN MENGEKALKAN DIRINYA SEBAGAI SEBUAH PARTI POLITIK YANG BERJUANG BUKAN UNTUK KEPENTINGAN AHLI-AHLINYA SAHAJA TETAPI BERJUANG DENGAN JUJUR BAGI KEPENTINGAN AGAMA, BANGSA DAN TANAHAIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM USAHA ITU KADANG-KADANG TERDAPAT TINDAKAN KERAJAAN YANG SEOLAH-OLAH MEMBELAKANGKAN PARTI. —
BERSAMBUNG 1327/LK

MAHATHIR 4 KUANTAN

93
TAGAIMANAPUN, KATANYA, AHLI-AHLI UMNO PERLUH INGAT BAHAWA TINDAKAN KERAJAAN ITU DIBUAT SETELAH DIKAJI DENGAN MENDALAM.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK MELAYAN TUNTUTAN-TUNTUTAN YANG TIDAK ADIL DAN TIDAK BERASAS WALAUPUN KADANG-KADANG ADA DESAKAN SUPAYA KERAJAAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA UMNO SEKIRANYA IA BERTENTANGAN DENGAN UNDANG-UNDANG NEGARA.

DATUK DR. SERI MAHATHIR MENINGGATKAN BAHAWA SEKIRANYA UMNO HANCUR, KEDUDUKAN ORANG-ORANG MELAYU DI NEGARA INI TURUT TERANCAM.

INI TIDAK KERANA UMNO ADALAH SUATU PERTUBUHAN YANG BESAR YANG TELAH BERJAYA MEMPERJUANGKAN HAK-HAK ORANG-ORANG MELAYU.

BELIAU BERHARAP AHLI-AHLI PARTI ITU MENINGGATKAN DIRI MEREKA SENDIRI TENTANG TANGGUNGJAWAB KERAJAAN UNTUK BERSIKAP ADIL DAN MEMBAHARUI SIKAP MEREKA UNTUK PERJUANGAN KE ARAH ITU.

SEBELUM ITU, KETUA UMNO BAHAGIAN KUANTAN ENCIK ALI SHARIF BERKATA BAHAWA KEANGGOTAAN UMNO BAHAGIAN ITU TELAH MENINGKAT KIRA-KIRA 44 PERATUS DARI 5,180 ORANG DALAM TAHUN 1976 KEPADA 7,470 TAHUN LALU.

KATANYA LAGI, TAHUN INI BAHAGIAN ITU BERHARAP MENCAPAI MATLAMAT 10,000 ORANG AHLI.

ENCIK ALI YANG JUGA TIMBALAN MENTERI PERHUBUNGAN BERKATA BAHAWA UMNO BAHAGIAN ITU BERSIKAP BERDIAM DIRI DALAM APA-APA KRISIS PARTI DI PERINGKAT KEBANGSAAN KERANA BERDIRI TEGUH DI BELAKANG PUCUK PIMPINAN DATUK HUSSEIN ONN DAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD. — BERNAMA 1330/LK